TANJUNG SEPAT	351	192	55%	159	45%
TERATAI	575	251	44%	324	56%
WPKL - KEPONG	162	77	48%	85	52%
WPKL - SEPUTEH	758	37	5%	721	95%
WPKL - WANGSA MAJU	108	0	0%	108	100%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>24646</b>	<b>9504</b>	<b>39%</b>	<b>15142</b>	<b>61%</b>

### **BULAN JANUARI 2020**

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH PESERTA</b>	<b>JUMLAH HADIR</b>	<b>% HADIR</b>	<b>JUMLAH TIDAK HADIR</b>	<b>% TIDAK HADIR</b>
BALAKONG	348	197	57%	151	43%
BANTING	452	150	33%	302	67%
BATANG KALI	243	50	21%	193	79%
BATU TIGA	337	181	54%	156	46%

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH PESERTA</b>	<b>JUMLAH HADIR</b>	<b>% HADIR</b>	<b>JUMLAH TIDAK HADIR</b>	<b>% TIDAK HADIR</b>
DENGKIL	551	117	21%	434	79%
DUSUN TUA	516	217	42%	299	58%
GOMBAK SETIA	480	238	50%	242	50%
HULU BERNAM	274	210	77%	64	23%
HULU KELANG	369	143	39%	226	61%
IJOK	204	97	48%	107	52%
KAMPUNG TUNKU	501	116	23%	385	77%
KOTA ANGGERIK	500	116	23%	384	77%
KOTA DAMANSARA	306	115	38%	191	62%
KUALA KUBU BAHARU	403	210	52%	193	48%
LEMBAH JAYA	456	224	49%	232	51%
MERU	478	204	43%	274	57%
MORIB	257	174	68%	83	32%
PAYA JARAS	591	259	44%	332	56%
PERMATANG	209	178	85%	31	15%
RAWANG	423	124	29%	299	71%
SABAK	359	218	61%	141	39%
SEKINCHAN	363	251	69%	112	31%

DUN	JUMLAH PESERTA	JUMLAH HADIR	% HADIR	JUMLAH TIDAK HADIR	% TIDAK HADIR
SELAT KLANG	680	155	23%	525	77%
SEMENTA	549	218	40%	331	60%
SENTOSA	429	176	41%	253	59%
SUBANG JAYA	560	270	48%	290	52%
SUNGAI AIR TAWAR	247	173	70%	74	30%
SUNGAI BURONG	219	184	84%	35	16%
SUNGAI PANJANG	414	251	61%	163	39%
SUNGAI TUA	430	64	15%	366	85%
TAMAN TEMPLER	394	168	43%	226	57%
WPKL - SEPUTEH	326	45	14%	281	86%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>12868</b>	<b>5493</b>	<b>43%</b>	<b>7375</b>	<b>57%</b>

#### BULAN FEBRUARI 2020

DUN	JUMLAH PESERTA	JUMLAH HADIR	% HADIR	JUMLAH TIDAK HADIR	% TIDAK HADIR
BALAKONG	357	198	55%	159	45%
BANDAR BARU	953	542	57%	411	43%

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH PESERTA</b>	<b>JUMLAH HADIR</b>	<b>% HADIR</b>	<b>JUMLAH TIDAK HADIR</b>	<b>% TIDAK HADIR</b>
KLANG					
BANDAR UTAMA	1408	334	24%	1074	76%
BANTING	502	158	31%	344	69%
BATANG KALI	389	163	42%	226	58%
BATU TIGA	348	224	64%	124	36%
BUKIT ANTARABANGSA	238	79	33%	159	67%
BUKIT GASING	579	120	21%	459	79%
BUKIT LANJAN	469	134	29%	335	71%
BUKIT MELAWATI	367	271	74%	96	26%
DENGKIL	450	265	59%	185	41%
DUSUN TUA	457	187	41%	270	59%
GOMBAK SETIA	502	268	53%	234	47%
HULU BERNAM	243	155	64%	88	36%
HULU KELANG	326	219	67%	107	33%
IJOK	158	83	53%	75	47%
JERAM	406	195	48%	211	52%
KAJANG	1030	407	40%	623	60%
KAMPUNG TUNKU	567	179	32%	388	68%
KINRARA	870	234	27%	636	73%

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH PESERTA</b>	<b>JUMLAH HADIR</b>	<b>% HADIR</b>	<b>JUMLAH TIDAK HADIR</b>	<b>% TIDAK HADIR</b>
KOTA ANGGERIK	453	129	28%	324	72%
KOTA DAMANSARA	296	132	45%	164	55%
KOTA KEMUNING	519	177	34%	342	66%
KUALA KUBU BAHARU	369	197	53%	172	47%
KUANG	413	228	55%	185	45%
LEMBAH JAYA	419	237	57%	182	43%
MERU	475	210	44%	265	56%
MORIB	214	172	80%	42	20%
PANDAMARAN	693	210	30%	483	70%
PANDAN INDAH	474	263	55%	211	45%
PELABUHAN KLANG	449	134	30%	315	70%
PERMATANG	182	133	73%	49	27%
RAWANG	457	142	31%	315	69%
SABAK	308	208	68%	100	32%
SEMENTA	499	212	42%	287	58%
SEMENYIH	323	130	40%	193	60%
SENTOSA	367	165	45%	202	55%
SERI	673	340	51%	333	49%

DUN	JUMLAH PESERTA	JUMLAH HADIR	% HADIR	JUMLAH TIDAK HADIR	% TIDAK HADIR
KEMBANGAN					
SERI SERDANG	506	183	36%	323	64%
SERI SETIA	533	227	43%	306	57%
SIJANGKANG	373	257	69%	116	31%
SUBANG JAYA	530	340	64%	190	36%
SUNGAI BURONG	216	162	75%	54	25%
SUNGAI KANDIS	1218	281	23%	937	77%
SUNGAI PANJANG	399	242	61%	157	39%
SUNGAI PELEK	418	312	75%	106	25%
SUNGAI RAMAL	483	190	39%	293	61%
SUNGAI TUA	428	170	40%	258	60%
TAMAN MEDAN	778	306	39%	472	61%
TAMAN TEMPLER	348	163	47%	185	53%
TANJUNG SEPAT	535	316	59%	219	41%
TERATAI	736	413	56%	323	44%
WPKL - BANDAR TUN RAZAK	555	153	28%	402	72%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>26258</b>	<b>11549</b>	<b>44%</b>	<b>14709</b>	<b>56%</b>

- c) Ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki oleh pihak YAWAS untuk meningkatkan lagi kualiti program dan juga melicinkan lagi perjalanan program:

**1) Data tidak dikemaskini**

Disebabkan oleh data-data yang ada di dalam sistem adalah data lama, maka ramai ahli SMUE tidak mengetahui berkenaan Program Jom Shopping dan terlepas untuk menerima baucer bernilai RM100.00.

Oleh yang demikian, YAWAS juga telah fokus meningkatkan aktiviti promosi untuk mewarwarkan kepada umum dan dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat di seluruh Selangor supaya ahli atau waris memaklumkan pada PKM DUN atau YAWAS untuk mengemaskini maklumat terutamanya nombor telefon untuk dihubungi. Warwar akan dibuat melalui media sosial, surat khabar dan billboard mengikut demografik ahli SMUE

**2) Peranan PKM dan Ketua komuniti tempatan**

Pihak YAWAS perlu bantuan pihak PKM DUN dan Ketua Komuniti Tempatan untuk mewarwarkan maklumat berkenaan Jom Shopping SMUE dan pengemaskini data SMUE

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : DEWAN MASYARAKAT**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur untuk memohon membina dewan masyarakat?
- b) Nyatakan berapa jumlah dewan yang telah dibina oleh Kerajaan mengikuti PBT dengan tarikh pembinaan.
- c) Nyatakan status pembinaan dewan baru di Bandar Tasik Puteri dan Bandar Country Homes.

**JAWAPAN:**

- a) Prosedur bagi pembinaan dewan masyarakat adalah:
  - i. Mengkaji setiap permohonan yang diterima atau mencadangkan permohonan melalui keperluan semasa;
  - ii. Semakan status tanah bagi pewartaan tapak dewan; dan
  - iii. Kelulusan bagi cadangan pembinaan akan dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat Majlis untuk kelulusan.
- b) Jumlah bilangan dewan masyarakat yang dibina oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>BILANGAN DEWAN YG DIBINA OLEH KERAJAAN</b>	<b>TARIKH PEMBINAAN</b>
<b>MBSA</b>	MBSA tidak mempunyai dewan yang dibina oleh Kerajaan. Kesemua dewan yang ada dibina oleh pemaju (bina dan serah).	
<b>MBPJ</b>	38 buah	Tiada rekod
<b>MPK</b>	28 buah	Tiada rekod
<b>MPAJ</b>	12 buah	2000 hingga 2015
<b>MPSJ</b>	17 buah	Tiada rekod
<b>MPS</b>	15 buah	1992 hingga 2004
<b>MPKj</b>	11 buah	2014 hingga 2018
<b>MPSp</b>	18 buah	1977 hingga 2018



<b>PBT</b>	<b>BILANGAN DEWAN YG DIBINA OLEH KERAJAAN</b>	<b>TARIKH PEMBINAAN</b>
<b>MPKL</b>	8 buah	1964 hingga 2018
<b>MDHS</b>	Tiada	Tiada
<b>MDKS</b>	10 buah	1979 hingga 2018
<b>MDSB</b>	12 buah	1981 hingga 2007

Nota : Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

- c) Pembinaan dewan di Tasik Puteri masih dalam peringkat perancangan bersama pemaju Rawang Lakes. Perbincangan lanjut serta pelan konsep akan diadakan pada penghujung Mac 2020 di antara Majlis dengan Rawang Lakes.

Pembinaan dewan di Bandar Country Homes masih tiada dalam perancangan dan tertakluk kepada kelulusan rezab dewan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik terkini berkenaan kempen pengurangan kegunaan plastik sejak tahun 2008?
- b) Apakah cara untuk menambahbaik kempen tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah mengadakan larangan untuk memberikan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polisterina pada setiap hari bermula 1 Januari 2017. Kempen yang diadakan ini adalah bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Menerusi kempen ini, pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam siri promosi kempen dan program-program yang dianjurkan oleh pelbagai pihak termasuklah memperkasakan budaya untuk membawa beg sendiri ketika berbelanja.

Pada ketika ini, tiada maklumat menyeluruh mengenai statistik kempen pengurangan penggunaan plastik. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2020, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah untuk menambahbaik mekanisma pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor bagi mendapatkan data yang menyeluruh mengenai statistik penggunaan dan kutipan caj beg plastik melalui pelaksanaan program tersebut. Jumlah kutipan dan maklumat bilangan penggunaan beg plastik akan diserahkan oleh premis-premis perniagaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jumlah kutipan terkumpul tersebut seterusnya disalur ke Akaun Tabung Amanah Kerajaan Negeri Selangor dan Akaun Tabung Amanah yang ditetapkan di PBT masing-masing bagi tujuan program-program berkaitan alam sekitar di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROGRAM BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur dan masa yang perlu diambil untuk kelulusan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan?
- b) Apakah perancangan Kerajaan untuk menambahbaik program ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, prosedur untuk meluluskan permohonan bagi program ini adalah dilakukan dengan begitu terperinci dan telus. Ianya adalah bertujuan bagi memastikan pemohon yang bakal menerima bantuan ini adalah dari kalangan rakyat yang benar-benar layak sahaja.

Bermula dengan proses siasatan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah, satu kertas kerja lengkap akan dibentangkan oleh Pejabat/ Daerah Tanah ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan untuk dipertimbangkan. Seksyen Sektor akan meneliti setiap borang permohonan termasuklah dengan menelefon setiap pemohon bagi membuat pengesahan peralatan/ mesin yang dipohon, menyemak dokumen sokongan di borang permohonan, meneliti setiap anggaran harga peralatan/ mesin dan memasukkan setiap data permohonan ke dalam sistem pangkalan data sebelum satu kertas kelulusan disediakan bagi penyaluran waran ke Pejabat Daerah/ Tanah untuk proses pembelian peralatan/ mesin.

Segala proses tersebut adalah rumit dan terperinci namun ianya adalah satu keperluan dalam memastikan setiap permohonan diproses mengikut tatacara yang lengkap sejajar dengan objektif dan sasaran program bantuan ini.

Berhubung dengan berapa tempoh masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan, Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri berpegang kepada Piagam Pelanggan iaitu memproses permohonan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan (dokumen lengkap) dalam tempoh 3 bulan.

- b) Pada tahun 2018, satu Kajian Penilaian Impak melibatkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah dilaksanakan oleh Institut Darul Ehsan

(IDE). Merujuk kepada Laporan Akhir Kajian Penilaian Impak Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, majoriti responden iaitu 71.6% daripada 1171 orang penerima bantuan bersetuju bahawa latihan keusahawanan seperti kursus kewangan dan pemasaran amat diperlukan dalam membantu meningkatkan pendapatan dan perniagaan mereka.

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian tersebut dalam menambah baik program ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengupayakan penerima-penerima Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan untuk diangkat ke satu peringkat yang lebih tinggi. Usaha ini bakal dilaksanakan dengan menyediakan kursus-kursus kemahiran keusahawanan secara berfasa seperti pengurusan kewangan, kaedah pemasaran secara *online*, pensijilan, pembungkusan produk dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KOLAM TAKUNGAN AIR**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan projek kolam takungan di Sungai Gong.
- b) Apakah cara dan jadual untuk penyelesaian projek sakit tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Projek yang dimaksudkan adalah **Projek Menaiktaraf Sg. Gong dan Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Fasa 1 di Mukim Rawang, Daerah Gombak**. Projek ini sepatutnya siap pada 5/6/2019. Namun begitu, kontraktor gagal untuk menyiapkan projek tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kemajuan terkini projek adalah sebanyak 92% dan Perakuan Sijil Tidak Siap Kerja (CNC) telah pun dikeluarkan pada 5/6/2019. JPS telah mengeluarkan surat peringatan kepada pihak kontraktor untuk menyiapkan baki kerja projek tersebut namun kontraktor masih gagal melaksanakan kerja dengan baik.
- b) Untuk makluman, kontraktor projek tersebut telah dikenakan LAD sebanyak RM1440.00/hari. Pemantauan secara berterusan telah dibuat di mana mesyuarat tapak diadakan 2 minggu sekali untuk menyiapkan baki kerja. Ini selaras dengan pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 4.5) di mana kontraktor diberi peluang meneruskan projek jika keadaan-keadaan berikut berlaku;
  - i. Kemajuan kerja di tapak yang telah siap melebihi 90%
  - ii. Sebahagian besar kerja yang telah siap dan memberi manfaat kepada Kerajaan.

Jika prestasi kontraktor ini tidak dipertingkatkan dan kontraktor tidak berkemampuan untuk menyelesaikan baki kerja di tapak, tindakan terhadap kontraktor akan dilaksanakan sejajar dengan klausa 51.0 (b) syarat kontrak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KAWASAN RIZAB SUNGAI**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa syarat-syarat untuk kegunaan kawasan lapang rizab sungai?
- b) Apa tindakan yang akan diambil terhadap penceroboh rizab sungai?
- c) Adakah kekangan untuk memantau dan penguatkuasaan untuk kawasan rizab sungai?

**JAWAPAN:**

- a) Kawasan lapang rizab sungai adalah untuk tujuan sebagai kawasan laluan jentera untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan. Kawasan ini juga adalah merupakan kawasan dataran banjir bagi menampung limpahan air sungai. Sesetengah kawasan lapang rizab sungai di Negeri Selangor telah dirizabkan di bawah seksyen 13 Kanun Tanah Negara. Syarat-syarat kegunaan kawasan lapang rizab sungai adalah tertakluk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Daerah dan Tanah. Selain itu, kawasan rizab juga telah diwartakan di bawah subseksyen 48(3) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.
- b) Pihak jabatan akan memberi maklumat awal dengan kadar segera dan bagi tindakan penguatkuasaan perobohan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sekiranya terdapat aduan berkaitan pencerobohan dan juga laporan daripada pemantauan berkala kawasan rizab sungai oleh pihak jabatan. Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu akan dilaksanakan bersama agensi/jabatan.
- c) Kekangan untuk memantau dan penguatkuasaan kawasan rizab sungai bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah tidak mempunyai punca kuasa bagi melaksanakan penguatkuasaan ke atas penceroboh. Manakala bagi pemasangan pagar di sepanjang rizab pula memerlukan kos yang tinggi. Namun begitu, pihak jabatan juga ada membuat halangan di laluan masuk ke rizab sungai (Pemasangan Boom Gate) di kawasan *hot spot* pencerobohan. Namun begitu, pencerobohan dan vandalisme masih berlaku di kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan atlet sukan dan perbelanjaan yang ditaja oleh MSN.
- b) Apakah syarat yang dikenakan untuk mendapati bantuan MSN kepada atlet yang mewakili negeri untuk pertandingan sukan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : HAL EHWAL SELAIN ISLAM**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan kuil Hindu?
- b) Berapakah jumlah kuil Hindu yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri?
- c) Berapa banyak tapak yang digazetkan bagi pembinaan kuil?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMKN) ke 4/2019 yang diadakan pada 15 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN ke 5/2019 pada 20 Februari 2019 telah menimbang dan meluluskan pembahagian peruntukan hal ehwal selain Islam di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam bagi tahun 2019 seperti berikut :

Bersetuju agar pembahagian bagi setiap kategori agama adalah mengikut peratusan penganut Selain Islam Negeri Selangor iaitu seperti berikut (Jadual 1) :

<b>Agama</b>	<b>Penganut (%)</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
Buddha, Tao dan Lain-lain	60.47	3,628,200.00
Hindu	28.75	1,725,000.00
Kristian	9.42	565,200.00
Sikh	1.36	81,600.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>6,000,000.00</b>

**Jadual 1**

- b) Sehingga Januari-Februari 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah menyokong sebanyak **tujuh (7) tapak** rumah ibadat selain Islam (Kuil) untuk tujuan pewartaan, manakala bilangan terkini permohonan pewartaan bagi kuil Hindu yang masih berada di dalam pertimbangan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam pada masa ini adalah sebanyak **5 permohonan**.



- c) Sehingga Februari 2020, sebanyak **69 tapak** telah digazetkan bagi tujuan rumah ibadat selain Islam. Namun, ianya belum dibahagi mengikut agama. Penentuan tapak rumah ibadat selain Islam ini akan ditentukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam (HESI) mengikut permohonan serta komposisi kaum setempat serta berdasarkan Garis Panduan Pihak Berkuasa Tempatan sedia ada yang sedang digunapakai. Berikut adalah jumlah tanah yang telah digazetkan bagi tujuan rumah ibadat selain Islam mengikut PBT seperti berikut (Jadual 2) :

<b>PBT</b>	<b>BIL TAPAK YANG DIGAZETKAN UNTUK TUJUAN RIBI</b>
<b>MBSA</b>	10
<b>MBPJ</b>	4
<b>MPK</b>	0
<b>MPSJ</b>	18
<b>MPSP</b>	7
<b>MPAJ</b>	0
<b>MPKJ</b>	9
<b>MPS</b>	4
<b>MDKL</b>	9
<b>MDKS</b>	8
<b>MDHS</b>	0
<b>MDSB</b>	0
<b>JUMLAH</b>	<b>69</b>

**Jadual 2**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : MASALAH PENJUALAN ARAK**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan PBT untuk menangani isu penjualan arak di kedai serbaneka/runcit secara haram/tanpa lesen?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memberikan lesen kepada premis perniagaan untuk hanya menjual arak sahaja?
- c) Adakah PBT mengambil tindakan serius ke atas premis-premis yang menjual arak selepas jam 9 malam?

**JAWAPAN:**

- a) Isu penjualan arak di kedai serbaneka/ runcit secara haram atau tanpa lesen adalah di bawah bidang kuasa pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak Lembaga Pelesenan Eksais Pejabat Daerah dan Tanah. PBT hanya memberi sokongan kelulusan dan ulasan bagi premis perniagaan yang menjual minuman keras berdasarkan kesesuaian premis perniagaan tersebut di dalam kawasan pentadbiran PBT masing-masing. Walau bagaimanapun, PBT sentiasa melaksanakan pemantauan bagi memastikan isu penjualan arak tanpa lesen ini dapat dibendung. Tindakan penguatkuasaan seperti kompaun dan notis berhenti niaga boleh dikenakan ke atas kedai serbaneka/ runcit yang menjual arak tanpa lesen.
- b) Penjualan arak di Malaysia dikawal oleh beberapa peruntukan undang-undang sedia ada dan penguatkuasaannya dipertanggungjawabkan kepada beberapa Agensi Kerajaan berkaitan pada peringkat persekutuan, negeri dan juga PBT. Pada peringkat persekutuan, penjualan arak dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Kementerian Kewangan dan undang-undang yang berkaitan dengan pelesenan jualan arak oleh JKDM ialah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya. PBT hanya melesenkan premis perniagaan bagi permohonan menjual minuman keras samada kategori runcit atau borong. Kelulusan lesen menjual minuman keras samada runcit atau borong pula di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Daerah tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

- c) Premis-premis yang menjual arak perlu mematuhi syarat-syarat lesen/ permit jualan minuman keras yang telah ditetapkan terutamanya tempoh/ masa bagi jualan. Mana-mana premis yang melanggar syarat yang dikeluarkan boleh diambil tindakan oleh pihak PBT dengan tidak menyokong pembaharuan lesen untuk tahun berikutnya dan aduan akan dipanjangkan terus ke Pejabat Tanah & Daerah dan Kastam Malaysia merujuk kepada Seksyen 35 Akta Eksais 1976.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR OLEH KILANG-KILANG HARAM DI DUN  
SENTOSA**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kilang yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan MPK yang mempunyai aduan penduduk setempat.
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai senarai kilang haram yang dilaporkan kepada PBT?
- c) Senaraikan tindakan yang telah diambil untuk menangani isu pembakaran terbuka oleh PBT di DUN Sentosa.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai kilang haram yang menyebabkan pencemaran dan yang telah diambil tindakan oleh Majlis Perbandaran Klang di DUN Sentosa adalah seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>NAMA KILANG</b>	<b>ALAMAT</b>
1.	SURIA JAYA INDUSTRIES SDN BHD	LOT 10439 C3 JALAN SUNGAI JATI
2.	WAYLUCK MULTI SERVICES SDN BHD	LOT 10439 C7 JALAN SUNGAI JATI 41200 KLANG SELANGOR.
3.	YK TRADING	LOT 10439 JALAN SUNGAI JATI 41200 KLANG SELANGOR
4.	AIK SENG SERVICE & MARKETING	LOT 10479 BATU 1 JALAN NENAS KAMPUNG JAWA 41000 KLANG.
5.	TIADA PENAMA	LOT 10439 C6 JALAN SUNGAI JATI 41200 KLANG SELANGOR

- b) **SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT), UPEN**

- c) Tindakan yang diambil oleh Majlis Perbandaran Klang bagi menangani isu pembakaran terbuka di DUN Sentosa :
- i. Pemantauan dijalankan dari masa ke semasa;
  - ii. Pemantauan yang dijalankan ke lokasi aduan mendapati hanya kesan dari aktiviti pembakaran terbuka telah berlaku. Walaubagaimanapun, tiada tangkapan atau tindakan dilakukan kerana tiada individu yang melakukan pembakaran di lokasi semasa siasatan dilakukan;
  - iii. Sekiranya berlaku aktiviti pembakaran terbuka, laporan akan dimajukan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan lain-lain agensi berkaitan;
  - iv. Pada 27 Januari 2020, terdapat aduan pembakaran terbuka di Lot 10439, Jalan Sungai Jati. Semasa pemantaan dijalankan oleh Unit PANTAS, beberapa individu disyaki melakukan kebakaran tersebut melarikan diri. Tindakan pemadaman dilaksanakan bagi mengelakkan kemerebakan kebakaran. Dalam pada masa sama tindakan penyitaan ke atas bahan-bahan bakar seperti wayar telah diambil untuk tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PASAR AWAM DUN SENTOSA**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membina pasar awam di DUN Sentosa?

**JAWAPAN:**

a) Pembangunan di Taman Sentosa adalah melalui kaedah 'piecemeal development' yang melibatkan sebahagian besar tanah milik persendirian. Majlis Perbandaran Klang mengambil maklum keperluan tapak pasar awam di Taman Sentosa dan akan mengenalpasti lokasi yang sesuai. Mengambil kira aspek lalulintas, kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi, privasi penduduk dan di lokasi yang terkeluar daripada kawasan kediaman bagi mengelak kacau ganggu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : NYAMUK AEDES & KESIHATAN AWAM**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar wabak denggi di kawasan Daerah Klang dan khususnya DUN Sentosa?
- b) Sejauh manakah keberkesanan pihak KDEB dalam menangani isu kebersihan awam?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor Bersama Pejabat Kesihatan Daerah Klang telah menggunakan pelbagai pendekatan berstrategik termasuk:
  - i) Kempen Selangor Gempur Aedes Siri 1-4 bagi tahun 2019 bagi mengurangkan kes/ wabak denggi;
  - ii) Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Denggi di lokaliti hotspot/ wabak;
  - iii) Gotong royong pemusnahan tempat pembiakan denggi di lokaliti wabak/ hotspot;
  - iv) Menjalankan Program Selangor Bebas Aedes di tempat Kerja dan Kuarters;
  - v) Mengukuhkan Program Bebas Denggi di Sekolah; dan
  - vi) Mengukuhkan peranan COMBI dalam lokaliti wabak denggi.
- b) KDEBWM sentiasa komited dalam memastikan kerja-kerja pembersihan awam yang telah diamanahkan dilaksanakan dengan baik mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kualiti dan mutu kerja KDEBWM sentiasa dipantau oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan KDEBWM juga telahpun menyediakan pelbagai medium untuk mendapatkan maklumbalas daripada orang ramai sekiranya ada kelompangan di dalam kerja-kerja pembersihan yang dilakukan. KDEBWM juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi perjumpaan dan perbincangan dengan Ahli Majlis, Persatuan Penduduk dan kontraktor kawasan dari semasa ke

semasa bagi mendapatkan maklum balas untuk memastikan kerja-kerja pembersihan awam dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Faktor terpenting yang menyumbang kepada keberkesanan dalam menangani isu kebersihan awam adalah penglibatan dan kerjasama semua pihak terutamanya dari kalangan penduduk sendiri dan orang awam. KDEBWM akan sentiasa memainkan peranan sebagai kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam. Sekiranya semua pihak berganding bahu dan bekerjasama serta sentiasa mengutamakan kebersihan, isu kebersihan awam ini akan dapat diatasi secara total dan berkesan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk meningkatkan mobilisasi Bas Smart Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk meningkatkan lagi mobilisasi Bas Smart Selangor terutamanya merentasi kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mahupun sempadan daerah dengan memperluas dan memperbanyakkan lagi laluan-laluan serta penggunaan bas yang bersesuaian bagi menghubungkan pelbagai jaringan pengangkutan awam sedia ada di Negeri Selangor.

Dengan jumlah penumpang Bas Smart Selangor yang kini mencecah 46 juta orang (bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 31 Januari 2020), dalam memastikan perkhidmatan bas ini dapat dikekalkan untuk jangkamasa yang panjang, satu kajian keberkesanan dan kepuasan penumpang Bas Smart Selangor perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti keperluan serta ruang-ruang penambahbaikan yang boleh diperbaiki dalam merencana hala tuju perkhidmatan Bas Smart Selangor pada masa hadapan supaya ianya relevan untuk diteruskan dan diperluaskan dengan lebih baik dan berkesan.